

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK	Etiqua Life Insurance Berhad ("Syarikat"/ "Kami")
Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk membeli Ezy-Life Secure. Anda juga diminta untuk membaca terma-terma dan syarat-syarat amnya.	EZY-LIFE SECURE
	<dd-mmm-yyyy>

1. Apakah ciri-ciri produk ini?

Ezy-Life Secure merupakan pelan insurans hayat bertempoh berpremium tetap tanpa penyertaan, dengan tempoh pembayaran premium mengikut tempoh perlindungan yang dipilih. Jumlah asas yang dilindungi akan dibayar apabila berlaku kematian atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) terhadap orang yang diinsuranskan.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang diberikan?

No.	Perlindungan/ Manfaat	Pembayaran Manfaat (RM)
1.	Kematian	Apabila berlaku kematian orang yang diinsuranskan, manfaat yang akan dibayar adalah jumlah asas yang diinsuranskan sebanyak RM<basic sum insured> akan dibayar sekaligus, setelah ditolak sebarang pembayaran yang telah dibuat di bawah HUMK. Sekiranya berlaku kematian terhadap orang yang diinsuranskan pada tahun pertama polisi adalah disebabkan oleh kejadian yang tidak berkaitan dengan kemalangan, manfaat yang akan dibayar adalah pengembalian jumlah premium yang telah dibayar sahaja. Polisi ini akan ditamatkan pada pembayaran manfaat kematian, dengan tiada manfaat lain yang akan dibayar selepas itu.
2.	Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK)	Apabila berlaku HUMK orang yang diinsuranskan sebelum hari lahir ke-64, manfaat yang akan dibayar adalah jumlah yang diinsuranskan sebanyak RM<basic sum insured>. Sekiranya berlaku HUMK terhadap orang yang diinsuranskan pada tahun pertama polisi adalah disebabkan oleh kejadian yang tidak berkaitan dengan kemalangan, manfaat yang akan dibayar adalah pengembalian jumlah premium yang telah dibayar sahaja. Polisi ini akan ditamatkan pada pembayaran terakhir manfaat HUMK, dengan tiada manfaat lain yang akan dibayar selepas itu. Untuk kami menilai HUMK, kehilangan upaya tersebut mestilah kekal dalam tempoh sekurang-kurangnya 6 bulan dari tarikh HUMK, kecuali bagi kes Andaian HUMK* yang mana HUMK boleh dinilai oleh kami dengan segera. Bagi manfaat HUMK, amaun maksimum yang perlu dibayar bagi HUMK ke atas semua polisi adalah terhad kepada RM2 juta. Bagi HUMK orang yang diinsuranskan melebihi RM1 juta, di mana manfaat HUMK akan dibayar melalui dua ansuran: 1) Ansuran pertama di bawah polisi akan ditentukan di mana jumlah pembayaran pertama ke atas semua polisi adalah RM1 juta; dan 2) Ansuran kedua merupakan baki liabiliti yang diterima dan akan dibuat 12 bulan selepas bayaran ansuran yang pertama. *Andaian HUMK ialah hilang dua anggota badan, hilang penglihatan pada kedua-dua belah mata, atau hilang satu anggota badan dan hilang penglihatan pada sebelah mata.
3.	Serahan	Apabila polisi ini telah berkuat kuasa sekurang-kurangnya 24 bulan berturut-turut, apabila penyerahan balik dibuat, jumlah manfaat yang akan dibayar adalah nilai serahan (jika ada) sebelum tarikh penyerahan berkuat kuasa.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Kami atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

3. Berapakah jumlah premium yang perlu saya bayar?

Anggaran jumlah premium yang perlu anda bayar ialah RM <premium> <mod: tahunan / bulanan>.

Semua premium (jika berkenaan) akan tertakluk kepada caj-caj atau cukai-cukai yang berkenaan yang ditentukan perlu oleh pihak berkuasa percukaian Malaysia. Adalah penting untuk menyimpan setiap resit yang Anda terima sebagai bukti pembayaran premium.

4. Apakah yuran-yuran dan caj-caj yang perlu saya bayar?

Perbelanjaan berkaitan polisi seperti kos pengurusan termasuk duti setem sebanyak RM10 telah dimasukkan ke dalam jumlah premium anda. Sekiranya anda ingin menamatkan polisi lebih awal semasa tempoh perlindungan, nilai serahan akan berkurangan daripada jumlah premium yang telah dibayar untuk membiayai perbelanjaan di atas.

5. Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu saya tahu?

- Kepentingan Pendedahan – Untuk membantu Kami membuat keputusan yang tepat dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma-terma polisi anda, anda dikehendaki menyatakan dengan sepenuhnya semua maklumat yang relevan, termasuk keadaan perubatan (jika berkenaan) dan umur dengan betul. Sekiranya maklumat ini ditahan atau didapati tidak tepat, ia berkemungkinan akan menyebabkan pembatalan kontrak, tuntutan tidak dibayar, atau terma dan syarat polisi diubah.
- Pembayaran premium perlu diterima dalam tempoh tangguh selama 31 hari dari tarikh premium tersebut perlu dibayar. Sekiranya premium yang perlu dibayar tersebut tidak diterima dalam masa tempoh tangguh tersebut, Kami akan secara automatik mendahulukan premium yang tidak dibayar dengan menggunakan pinjaman premium automatik, dengan syarat polisi ini mempunyai nilai serahan.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada risalah pemasaran dan ilustrasi jualan untuk maklumat lanjut, dan rujuk polisi untuk terma-terma dan syarat-syarat yang terperinci.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

- Sekiranya orang yang diinsuranskan, semasa waras atau tidak waras, membunuh diri dalam tempoh 1 tahun dari tarikh pengeluaran atau tarikh terakhir pengembalian semula polisi, liabiliti Kami adalah terhad untuk mengembalikan jumlah premium yang telah dibayar, tanpa faedah.
- Hilang upaya menyeluruh dan kekal tidak akan dibayar sekiranya berlaku:
 - Penyertaan dalam apa-apa perbuatan jenayah atau menyalahi undang-undang, pemogokan, rusuhan atau kekecohan awam;
 - Penyertaan dalam sukan, aktiviti yang berisiko atau berbahaya, atau penerbangan (kecuali sebagai penumpang yang membayar tambang atau anak-anak kapal dalam laluan biasa yang dikendalikan oleh syarikat penerbangan komersial);
 - Penggunaan alkohol atau dadah;
 - Provokasi fizikal yang ganas oleh orang yang diinsuranskan yang menyebabkan maklum balas yang serupa kepada kecederaan;
 - Penyedutan racun, gas atau wasap; atau
 - Kecederaan yang disengajakan oleh diri sendiri, kegagalan untuk mematuhi nasihat perubatan, atau penangguhan yang tidak munasabah dalam mendapatkan rawatan perubatan.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada polisi, termasuk definisi-definisi manfaat dan senarai lengkap pengecualian-pengecualian di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi ini?

Selepas anda menerima polisi anda, anda mempunyai pilihan untuk membatalkan polisi atas sebarang sebab dengan memaklumkan kepada Kami secara bertulis dalam tempoh 15 hari selepas polisi telah diterima. Kami akan membatalkan polisi ini dan mengembalikan premium yang telah dibayar. Polisi ini akan dianggap sebagai telah dikembalikan kepada Kami pada tarikh Kami menerima polisi ini jika dihantar sendiri atau pada tarikh penghantaran pos jika polisi ini dihantar kepada Kami melalui pos berdaftar atau pada tarikh transmisi jika polisi ini dihantar secara elektronik.

Sekiranya notis pembatalan bertulis diterima selepas tempoh 15 hari tersebut, anda layak untuk menerima nilai serahan, jika ada, yang diperoleh dibawah polisi. Sila pertimbangkan dengan teliti sebelum anda membuat serahan, kerana nilai serahan mungkin kurang dari jumlah premium yang telah anda bayar.

8. Apakah yang perlu saya buat sekiranya terdapat perubahan kepada butir-butir perhubungan saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada Kami mengenai sebarang perubahan mengenai butir-butir perhubungan anda (termasuk penama dan/atau pemegang amanah) bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda dengan kadar segera. Sila tuliskan ke alamat Kami di Etiqa Life Insurance Berhad (201701025113), Dataran Maybank, No 1, Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur, atau melalui faksimili 03-2297 3800 atau e-mel di info@etiqa.com.my, atau dengan menghubungi 03-2297 3888, atau Etiqa Oneline 1300-13-8888, atau kunjungi www.etiqa.com.my.

9. Dimanakah boleh saya memperoleh maklumat lanjut?

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan lain, atau memerlukan maklumat lanjut, sila hubungi Etiqa Oneline dengan menghubungi 1300-13-8888, atau tulis kepada Etiqa Life Insurance Berhad, Dataran Maybank, No 1, Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur: atau melalui faksimili 03-2297 3800, atau e-mel di info@etiqa.com.my, atau dengan menghubungi 03-2297 3888, atau kunjungi www.etiqa.com.my. Etiqa Life Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.

10. Lain-lain jenis perlindungan serupa yang boleh didapati

Sila rujuk kepada laman sesawang Kami di www.etiqa.com.my untuk lain-lain jenis perlindungan serupa yang boleh didapati.

NOTA PENTING:

PENYERTAAN DALAM INSURANS HAYAT MERUPAKAN SUATU KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA HARUS MEMILIH JENIS POLISI YANG PALING SESUAI DENGAN KEADAAN PERIBADI ANDA. ANDA JUGA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS ATAU TERUS MENGHUBUNGI KAMI UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat di dalam Helaian Pendedahan Produk ini sah pada [<Issue Date>](#).